

**KAJIAN PERBANDINGAN  
TINGKAH LAKU ALTRUISME  
DALAM KALANGAN EMPAT SUKU UTAMA  
DI KOMUNITI KABUPATEN ACEH TENGGARA**

**MULIADI IMAMI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**KAJIAN PERBANDINGAN  
TINGKAH LAKU ALTRUISME  
DALAM KALANGAN EMPAT SUKU UTAMA  
DI KOMUNITI KABUPATEN ACEH TENGGARA**

Oleh

**MULIADI IMAMI**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2015**

## **PENGHARGAAN**

Saya bersyukur kepada Allah SWT atas selesainya penyusunan tesis ini. Dengan limpahan rahmat dan karunia-Nya saya dapat menyelesaikan penyelidikan dan studi ini dengan lancar dan tiada halangan apapun. Shalawat dan salam tak lupa saya sampaikan kepada nabi Muhammad Rasulullah yang sentiasa menjadi tauladan.

Ucapan terimakasih yang besar saya sampaikan kepada Profesor Madya Dr. Intan Hashimah binti Mohd. Hashim, Penyelia Utama saya, yang telah membimbing saya dengan sabar dalam penyelesaian tesis ini. Saya merasa bangga pernah dibimbing oleh seorang pensyarah yang sabar seperti anda. Selain itu saya juga minta maaf atas kesalahan dan kesilapan yang saya lakukan sama ada sengaja mahupun tidak. Semoga Allah SWT sentiasa membalasnya dengan kebaikan yang melimpah.

Terimakasih banyak saya ucapkan kepada Dr. Nor Zarina binti Mohd. Zaharim, Penyelia bersama saya, yang telah bersedia meluangkan waktu untuk menalaah tesis ini.

Demikian pula kepada Dekan daripada School of Social Science dan semua staf yang telah membantu selesainya studi saya di USM ini. Semoga semua kebaikan dan bantuan yang diberikan akan dibalas Allah SWT dengan balasan yang setimpal.

Teman-teman seperjuangan; Rahmat Oriza, Yusfaz Hijrin, Alamsyah Alwi, Hadiyan Wijaya, Pak Ridwan, Pak Mulia, Gudria, teman-teman beasiswa Pemda Aceh, teman-teman PPI dan teman-teman dari ASC (Aceh Student Center), terimakasih

atas sokongannya, perjumpaan dan interaksi yang telah kita lakukan merupakan ikatan shilaturrahmi yang akan saya jaga selamanya.

Ucapan terimakasih banyak dan rasa bangga yang luar biasa saya sampaikan kepada Ibu/Bapa saya yang mulia H. Abd Rahman K, S.Ag dan Hj. Sarunawaty yang telah menyokong secara penuh penyelesaian studi saya sama ada berupa nasihat, do'a dan bantuan materi yang tak akan mampu saya hitung apalagi untuk membalasnya. Hanya untaian do'a agar Ayah dan Ibu sentiasa dirahmati Allah di dunia dan di akhirat kelak.

Fauziah Rahmah, istriku yang telah sabar dan ikhlas membantu, memberi dukungan dan bahkan menerima beban yang berat kerana harus saya tinggalkan bersama anak-anak dalam waktu yang lama demi menempuh studi ini, saya ucapkan terimakasih yang tak terhingga. Rasa cinta dan pengorbananmu telah membekas dalam hatiku, hanya do'a yang kupanjatkan agar Allah SWT memberimu segalanya dan Dia mencintaimu dan menyediakan surga kelak untukmu, untuk anak-anak kita, semoga kita dipersatukan kembali di surga itu.

Anak-anakku Fatih Raihan, Ghufron Nashir, dan Jile Prasati Imami, terimakasih atas kesabarannya, semoga Allah menjadikan kalian sebagai anak yang sholeh dan sholehah. Begitupula untuk anak-anakku Hermansyah, Ratna Lisa dan Ira Warni bantuan dan kebersamaan yang kalian berikan membuat hidup ini terasa lengkap. Mudah-mudahan Allah mencukupkan semua keinginan dan cita-cita kalian.

## SENARAI ISI

PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI ISI .....	iv
SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH .....	x
ABSTRAK .....	xi
ABSTRACT .....	xiii
<b>BAB 1 - PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	5
1.3 Kepentingan Kajian .....	9
1.4 Soalan Kajian .....	10
1.5 Objektif Kajian .....	11
1.6 Susunan dan Ulasan Kajian .....	11
<b>BAB 2 - TINJAUAN LITERATUR .....</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan .....	13
2.2 Definisi Altruisme .....	13
2.3 Altruisme Menurut Aliran Psikologi .....	18
2.3.1 Perspektif Psikoanalisa .....	18
2.3.2 Perspektif Tingkah Laku .....	19
2.4 Teori-Teori Khusus Berkaitan dengan Altruisme .....	22
2.4.1 Teori Pemilihan Keluarga .....	23
2.4.2 Teori Timbal Balik .....	25
2.4.3 Teori Persaingan Altruism.....	27
2.4.4 Hipotesis Empati-Altruisme .....	31
2.5 Alat Ukur Perilaku Altruisme.....	36
2.6 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Altruisme .....	37
2.6.1 Pengaruh Genetik terhadap Perilaku Altruisme .....	37
2.6.2 Pengaruh Jantina terhadap Perilaku Altruisme .....	39

2.6.3	Norma Sosial dan Perilaku Altruisme .....	39
2.6.3.1	Norma Balas Budi .....	42
2.6.3.2	Norma Tanggung Jawab Sosial .....	43
2.6.3.3	Norma Keadilan Sosial .....	44
2.6.3.4	Budaya Kolektivis dan Budaya Individualis .....	44
2.6.4	Taraf Keagamaan dan Perilaku Altruisme .....	46
2.7	Perilaku Altruisme dan Interaksi Positif .....	52
2.8	Pengenalan Empat Kaum Utama Di Aceh Tenggara .....	54
2.9	Kerangka Konseptual Kajian .....	63
 <b>BAB 3 - METODOLOGI</b> .....		68
3.1	Pengenalan .....	68
3.2	Lokasi Kajian .....	69
3.3	Reka Bentuk Kajian .....	70
3.3.1	Pengumpulan Data Kuantitatif .....	71
3.3.1.1	Peserta Kajian .....	72
3.3.1.2	Prosedur Penyelidikan .....	74
3.3.1.3	Instrumen Penyelidikan .....	76
3.3.1.4	Kawalan Kualiti Data .....	82
3.3.1.5	Hasil Uji Kualiti Data .....	85
3.3.1.6	Analisis Data Kuantitatif .....	92
3.3.2	Pengumpulan Data Kualitatif .....	92
3.3.2.1	Peserta .....	93
3.3.2.2	Prosedur .....	93
3.3.2.3	Analisis Data Kualitatif .....	95
 <b>BAB 4 - DAPATAN KAJIAN</b> .....		97
4.1	Pengenalan .....	97
4.2	Dapatan Kajian Kuantitatif .....	97
4.2.1	Maklumat Data Sociodemografi Responden.....	98
4.2.2	Analisis Inferensi .....	101
4.2.2.1	Perbandingan Tingkahlaku Altruisme antara Suku .....	103
4.2.2.2	Perbandingan Norma Sosial antara Suku .....	105

4.2.2.3	Perbandingan Keagamaan antara Suku .....	107
4.2.2.4	Perbandingan Interaksi Positif antara Suku .....	110
4.2.2.5	Hubungan Norma Sosial dan Perilaku Altruisme .....	111
4.2.2.6	Hubungan Keagamaan dan Perilaku Altruisme .....	116
4.2.2.7	Hubungan Perilaku Altruisme dan Interaksi Positif .....	120
4.2.2.8	Perbandingan Tingkahlaku Altruisme Berdasarkan Jantina .....	122
4.2.3	Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif.....	124
4.3	Dapatan Kajian Kualitatif .....	126
4.3.1	Maklumat Sociodemografi Peserta Temubual .....	126
4.3.2	Huraian Dapatan Temubual .....	126
4.3.2.1	Tingkah Laku Menolong dalam Budaya Setiap Suku ....	127
4.3.2.2	Aspek Tingkah Laku Menolong .....	132
4.3.2.3	Sokongan Budaya terhadap Tingkah Laku Altruisme ...	139
4.3.2.4	Sokongan Agama terhadap Tingkah Laku Altruisme ....	142
4.3.2.5	Tingkah Laku Altruisme dan Interaksi Positif dalam Kumpulan .....	145
4.3.2.6	Tingkah Laku Altruisme dan Interaksi Positif dengan Suku Lain .....	147
4.3.3	Rumusan Dapatan Kajian Kualitatif .....	151
 <b>BAB 5 - PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN .....</b>		<b>154</b>
5.1	Pengenalan .....	154
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian .....	154
5.2.1	Perbandingan Perilaku Altruisme antara Suku .....	154
5.2.2	Perbandingan Norma Sosial antara Suku .....	159
5.2.3	Perbandingan Taraf Keagamaan .....	161
5.2.4	Perbandingan Interaksi Positif antara Suku .....	162
5.2.5	Hubungan Norma Sosial dan Tingkahlaku Altruisme .....	163
5.2.6	Hubungan Taraf Keagamaan dan Tingkahlaku Altruisme .....	165
5.2.7	Hubungan Interaksi Positif dan Tingkahlaku Altruisme .....	167

5.3	Implikasi Kajian .....	169
5.3.1	Implikasi Teoritis Kajian .....	169
5.3.2	Implikasi Praktis Kajian.....	174
5.4	Limitasi Kajian .....	176
5.5	Cadangan Penyelidikan .....	178
5.6	Kesimpulan .....	179
 <b>Senarai Rujukan</b> .....		 181
<b>Lampiran 1</b> .....		198
<b>Lampiran 2</b> .....		207



## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.1 Rancangan Soal Selidik	77
Jadual 3.2 Rancangan Soal Selidik Taraf Keagamaan	79
Jadual 3.3 Rancangan Soal Selidik 3-b Sikap Menolong	81
Jadual 3.4 Hasil Ujian Kesetabilan	86
Jadual 3.5 Hasil Ujian Kesahihan Skala Norma Sosial	87
Jadual 3.6 Hasil Ujian Kesahihan Skala Sikap Keagamaan	88
Jadual 3.7 Hasil ujian Kesahihan SRA-A	89
Jadual 3.8 Hasil Ujian Kesahihan SRA-B	90
Jadual 3.9 Ujian Kesahihan Skala Interaksi Positif	91
Jadual 3.10 Rancangan Soalan Temubual	94
Jadual 4.1 Responden Berdasarkan Jantina	98
Jadual 4.2 Responden Berdasarkan Umur	99
Jadual 4.3 Responden Berdasarkan Agama	99
Jadual 4.4 Responden Berdasarkan Suku Kaum	100
Jadual 4.5 Responden Berdasarkan Tingkat Pendidikan	100
Jadual 4.6 Data Sosiodemografi Responden Berdasarkan Semua Aspek	101
Jadual 4.7 Deskriptif Variabel Penyelidikan	102
Jadual 4.8 Hasil Ujian Kehomogenan Variabel Penyelidikan	103
Jadual 4.9 Hasil Anova Sehala Tingkah Laku Altruisme antara Suku Alas, Gayo, Batak dan Karo	105
Jadual 4.10 Hasil Anova Sehala Norma Sosial antara Suku Alas, Gayo, Batak dan Karo	106
Jadual 4.11 Hasil Anova Sehala Aspek Norma Sosial antara Suku Alas, Gayo, Batak dan Karo	107
Jadual 4.12 Hasil Anova Sehala Taraf Keagamaan antara Suku Alas, Gayo, Batak dan Karo	108

	Muka Surat
Jadual 4.13 Hasil Anova Sehala Aspek Keagamaan antara Suku Alas, Gayo, Batak dan Karo	109
Jadual 4.14 Hasil Anova Sehala Interaksi Positif antara Suku Alas, Gayo, Batak dan Karo	110
Jadual 4.15 Panduan Tahap Korelasi	111
Jadual 4.16 Hasil Analisis Korelasi Spearman Norma Sosial dengan Tingkah Laku Altruisme	112
Jadual 4.17 Hasil Analisis Korelasi Spearman Keagamaan dengan Tingkah Laku Altruisme	116
Jadual 4.18 Hasil Analisis Korelasi Spearman Interaksi Positif dengan Tingkah Laku Altruisme	120
Jadual 4.19 Hasil Ujian Kehomogenan Variabel Penyelidikan	123
Jadual 4.20 Hasil Anova Sehala Tingkah Laku Altruisme Berdasarkan Jantina	123
Jadual 4.21 Senarai Peserta Temubual Penyelidikan Kualitatif	126

## SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 2.1 Jalur Egoistik dan Altruistik Tingkah Laku Menolong	33
Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Kajian	66
Rajah 3.1 Rancangan Rekabentuk Kajian	71
Rajah 5.1 Triangulasi Struktur Kekerabatan Altruisme suku Alas, Batak dan Karo	172

**KAJIAN PERBANDINGAN TINGKAH LAKU ALTRUISME  
DALAM KALANGAN EMPAT SUKU UTAMA  
DI KOMUNITI KABUPATEN ACEH TENGGARA**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan membandingkan tingkah laku altruisme dalam kalangan empat suku utama di Aceh Tenggara, Indonesia. Turut dibandingkan ialah norma sosial, tahap keagamaan dan interaksi positif antara kaum. Selain itu, kajian ini juga meneliti hubungan di antara tingkah laku altruisme dengan norma sosial, keagamaan dan interaksi positif antara kaum. Kajian menggunakan *Mixed Method* (kaedah campuran) iaitu menggabungkan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Dalam pendekatan kuantitatif, empat alat ukur digunakan iaitu *Self-report Altruisme*, Skala Norma Sosial yang diadaptasikan dari *Individualist-Colectivist Scale* (IC Scale), Skala Sikap Keagamaan yang diadaptasi dari *Dimension of Religiosity Scale* (*DR-Scale*), dan Skala Interaksi Sosial. Soal selidik diedarkan kepada empat ratus responden daripada suku Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara, Indonesia. Peserta kajian terdiri dari 50 orang lelaki dan 50 orang perempuan dari setiap suku tersebut. Metod persampelan yang digunakan dalam penyelidikan kuantitatif adalah *purposive sampling* (persampelan bertujuan) dan *snowball sampling* (persampelan bola salji). Fasa kualitatif berfokus kepada temubual berstruktur dengan *keyperson* dari setiap suku. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tingkah laku altruisme dalam kalangan empat suku utama di Aceh Tenggara sama ada daripada sikap mahupun kekerapan perilaku menolong yang dipraktikkan. Begitu juga pengamalan norma sosial, tahap keagamaan dan interaksi positif yang diamalkan setiap kaum. Walau bagaimanapun, kajian ini

menemukan hubungan yang kuat di antara variabel tingkahlaku altruisme dengan norma sosial, tahap keagamaan, dan interaksi positif. Corak yang hampir sama dapat diperhatikan dalam kumpulan suku kaum yang berbeza. Secara teori, kajian ini mengukuhkan lagi teori yang telah dibina oleh para penyelidik terdahulu. Secara praktikal, kajian ini menyarankan kepada pihak kerajaan memainkan peranan yang lebih besar dalam mempromosikan ajaran agama dan norma sosial sebagai usaha meningkatkan perilaku prososial di kalangan masyarakat.

Kata Kunci: Altruisme, Norma Sosial, Keagamaan dan Interaksi Positif

# **A COMPARATIVE STUDY OF ALTRUISM AMONG FOUR MAJOR ETHNIC GROUPS IN COMMUNITY OF KABUPATEN ACEH TENGGARA**

## **ABSTRACT**

This study aims to compare altruism behavior among four major ethnic groups in Aceh Tenggara, Indonesia. This study also compares elements of social norms, religiosity and inter-ethnic positive social interactions. In addition, the study also examines relationships between altruism behavior and elements of social norms, religiosity and inter-ethnic positive social interactions among people of different groups. The study used a mixed method of inquiry, which integrates both the principles of qualitative and quantitative approaches. In the quantitative approach, four different scales were used that is self-report assessment of altruism adopted from SR-A Scale, social norms scale adopted from Individualism-Collectivism Scale (IC Scale), religious devotion scale adopted from Dimension of Religiosity Scale (DR-Scale), and Social Interaction Scale. The questionnaires were distributed to 400 participants from the four major ethnic groups of Alas, Gayo, Batak, and Karo in the Aceh Tenggara, Indonesia. Participants comprised of 50 males and 50 females from each ethnic group. Purposive and snowballing techniques were used as sampling methods for the quantitative part of this study. For the qualitative part of inquiry, data collection focused on semi structured interviews with key persons from each group. Research findings show no significant differences in terms of altruism across four main ethnicities in Aceh Tenggara, either in attitudes or in the frequency of their altruistic practices. The same pattern can be observed for the local social norms, level of religiosity, and positive social interaction variables. The study, however, found a significant correlation between altruistic behavior and each of the social norms, the

religious devotion and the positive interaction variable. Similar patterns can be observed among different ethnic groups. In terms of theoretical implications, this study provides evidence to support theories suggested by previous researchers. With regards to practical implications, this study recommends that local government should take a greater role in promoting social norms, religious values as an attempt to increase pro-social behaviors in the society.

**Key Word:** Altruism, Social Norms, Religious, and Positive Interactions.

## Lampiran 2

### DATA VERVATIM KAJIAN

#### **VERVATIM 1**

Temu Bual Penyelidik (P) dengan Responden Suku Alas Pertama (RA1)

Tarikh : 12 April 2013

Pukul : 10.30

P : Mohon maaf pak, saya ingin wawancara dengan Bapak mengenai perilaku tolong menolong dalam budaya suku Alas.

RA1 : Ya. Untuk keperluan apa ni. Apa untuk keperluan kuliah?

P : Ya pak. Ini saya penelitian tentang perilaku altruisme di suku Alas. Iaitu perilaku memberi bantuan atau pertolongan kepada sesama.

RA1 : Ehm. Baiklah. Apa yang boleh saya jelaskan.

P : Pertanyaan yang pertama yang saya perlu ketahui dari Bapak sebagai ketua adat suku Alas adalah apakah suku Alas mempunyai budaya yang suka menolong sesama? Dan apakah yang melatar belakangnya?

RA1 : Ya, suku Alas suka menolong, hal ini dapat dilihat dari slogan yang kami pakai dalam bahasa Alas iaitu *de nemu tongkohpe ken jême*. Erti dari perkataan ini adalah jangan kan manusia, bendapun seandainya punya jiwa dan membutuhkan pertolongan maka harus kita tolong layaknya manusia.

P : Bagaimana sikap menolong itu bila berkaitan dengan orang yang berasal dari suku luar pak?

RA1 : Banyaknya suku lain di Aceh Tenggara yang dikenal sebagai Tanah Alas ini adalah disebabkan kerana budaya Alas sentiasa menghormati dan menerima suku lainnya sebagaimana saudara sendiri.

P : Kemudian Pak. Pada bidang apa saja suku Alas itu suka menolong? Boleh bapak berikan contoh yang terperinci?

RA1 : Ya... Banyak contohnya, bahkan, ada beberapa yang telah rasmi dijadikan sebagai adat istiadat. Yang paling jelas seperti budaya memberi bantuan berupa modal usaha untuk orang yang memulai hidup baru dalam suku Alas dikenali dengan pelbagai cara iaitu: (1) *Jawê*, ertinya pisah rumah. Pengantin yang dianggap telah cukup masa tinggal di rumah ibubapanya



(orang tua lelaki) perlu membentuk rumah tangga yang baik dengan tinggal di rumah lain. Sebagai modal awal, ibubapanya akan membeikan modal usaha dan beberapa peralatan yang diperlukan. Pemberian modal ini biasanya disimbolkan dengan pemberian beras satu buluh, air satu teko, ayam satu pasang, peralatan makan seadanya. Ini menunjukkan tanggungjawab ibubapanya dalam memberi bahan telah berakhir maka ia sudah seharusnya "berdiri di atas kakinya sendiri". (2) *Pesula'i*, bermaksud memberikan 'cendera hati' sebagai cikal bakal dalam memulai kehidupan yang baru. *Pesula'i* adalah pemberian dari orang tua pengantin perempuan kepada anaknya dengan maksud membantunya dalam menempuh hidup baru. Budaya ini menandakan bahwa ini adalah pemberian yang terakhir dari mereka untuk anaknya, kerana selanjutnya ia akan menjadi tanggungjawab suaminya. Barang-barang yang biasanya diberikan adalah perhiasan dari emas dan alat-alat rumah tangga yang diperlukan.

P : Bagus sekali Pak...

RA1 : Ya.. Budaya suku Alas itu sangat erat dengan budaya saling membantu, kerana kita termasuk kaum yang kolektivis. Dalam suku Alas sudah diatur dengan sedemikian rupa. Eeee... Setiap individu (yang telah berumah tangga) dalam budaya suku Alas mempunyai tiga kedudukan dalam pelaksanaan acara adat yang dikenal dengan istilah *Tungku si telu* iaitu *sukut*, *pebekhunen* dan *wali*.

P : Boleh dijelaskan lebih lanjut pak.

RA1 : Ya. Ini mirip orang Karo. Kedudukan yang pertama, setiap orang suku Alas adalah (1) *Sukut* orang yang akan melakukan kegiatan adat seperti perkawinan atau khitanan. *Sukut* mencakup saudara lelaki bapa dan para isterinya, saudara lelaki kandung dan isterinya, serta orang-orang lelaki yang satu marga dengannya. Mereka dianggap bertanggungjawab dalam menyukseskan kegiatan ini dan seharusnya membantu dalam semua hal. Namun tentunya, bantuan yang diberikan haruslah disesuaikan dengan kemampuan yang dimilikinya baik berupa pikiran, tenaga dan harta benda. (2) *Pebekhunen* ertinya adalah saudara perempuan. Mereka yang dianggap *pebekhunen* adalah saudara perempuan bapa (bibi) dan suaminya dan saudara perempuan kandung (adik atau kakak) dan suaminya. *Pebekhunen* mempunyai kewajiban untuk membantu pihak *sukut* dengan mengerahkan semua tenaganya. Mereka diposisikan dalam adat Alas sebagai pekerja dalam semua kegiatan adat. Bahkan, walaupun mereka mempunyai jawatan yang tinggi di kantor kerajaan, namun ketika ada acara adat, mereka harus memosisikan diri sebagai pekerja. Yang *ketiga*(3) *Wali* adalah saudara lelaki dari ibu dan saudara lelaki kandung dari isteri. *Wali* mempunyai

kedudukan yang dihormati, mereka tidak boleh bekerja dan merupakan tamu kehormatan. Kedatangan mereka biasanya dinantikan dengan istilah *pemamanan* iatu datang dengan jumlah yang ramai dan membawa hadiah berupa harta benda yang berharga.

P : Baik Pak. Kemudian bagaimana menanamkan kebiasaan menolong itu di kalangan semua ahli di dalam suku Alas pak?

RA1 : Ya. Ini perlu dibuat menjadi kebiasaan. Dalam masyarakat suku Alas, kebiasaan masyarakat Alas menyuruh anak-anak mereka yang masih sekolah untuk membantu pekerjaan guru-guru mereka baik dalam pertanian mahupun kegiatan adat budaya. Kegiatan ini diistihkan dengan '*nempuhi guru*', ertinya membantu guru dengan sukarela. Pada jaman dulu pelajar datang membantu gurunya dalam pertanian dengan membawa bekal makanan sendiri. Saat ini makanan dan Minuman telah disediakan oleh guru tersebut.

P : Oooo. Sebenarnya kebiasaan seperti ini perlu dilestarikan pak.

RA1 : Ya.. Semestinya begitu. Perilaku saling membantu yang berlaku sangat baik bagi interaksi dalam suku kaum kami. Orang-orang yang suka membantu orang lain biasanya akan disenangi dan dihargai. Ketika ia mahu membantu orang lain maka iapun akan dibantu dalam pekerjaannya. Ada istilah dalam suku kaum Alas untuk perilaku altruisme dan interaksi positif iaitu *secawan kahe, secawan kolu*. Ertinya apabila kita suka memberi orang lain makanan satu cawan, maka orangpun akan membalas perbuatan yang setimpal dengan itu. Begitu pula dalam perbuatan kita, apabila kita berlaku baik maka orang akan berlaku baik pada kita.

P : Pantas saja banyak orang yang nyaman tinggal di tanah Alas ini ya pak. Sudah dibiasakan saling tolong menolong...

RA1 : Dalam budaya kami ada peraturan adat yang dapat membuat orang lain dari suku yang berbeza dapat masuk dan menjadi ahli suku Alas. Biasanya orang tersebut yang telah lama bergaul dan melakukan interaksi positif dengan salah seorang atau kumpulan suku Alas. Budaya ini dikenal dengan istilah "*Pendosi*" (Saudara Angkat). Mengangkat saudara dari luar suku dilakukan oleh seseorang dalam suku Alas dengan mengajukan rayuan kepada majelis adat dengan alasan bahawa orang tersebut sudah dekat dengannya layaknya saudara satu darah. Ahli suku kaum tersebut diharuskan membayar uang adat yang telah ditentukan, maka orang itu akan dirasmikan menjadi saudaranya dengan memakai gelar marga yang sama dengannya.

P : Ini menurut saya perilaku adat yang unik dan harus dijaga kelestariaannya pak.

RA1 : Ya.. Masih ada kelanjutannya. Ehm... Untuk mendekatkan orang lain kepada kita, bukan hanya dari kalangan luar suku. Begitupun terhadap kalangan sendiri. Ada beberapa cara agar hubungan kita dengan orang lain boleh lebih dekat. Dalam adat Alas, orang yang mempunyai satu nama diistilahkan dengan *sename*. Orang yang mempunyai nama yang sama, sama ada ia satu kaum atau bukan adalah bersaudara. Orang yang mempunyai satu nama akan memperlakukan satu sama lain seperti layaknya orang bersaudara.

P : Baik pak.

## VERBATIM 2

Temu Bual Dengan Responden Suku Alas Kedua (RA2)

Tarikh : 18 April 2013

Pukul : 11.00

P : Wawancara saya ini adalah melengkapi data disertasi saya tentang perilaku tolong menolong dalam suku Alas pak.

RA2 : Ooo. Bagus saya kira. Jarang-jarang orang buat kajian mengenai perilaku menolong apalagi berkaitan dengan budaya suku tertentu.

P : Apakah dapat Bapak jelaskan di bidang apa saja suku Alas sentiasa memberikan bantuan terhadap sesamanya?

RA2 : Ehm.. Eeee.. Hampir semua bidang kehidupan. Karena manusia pada prinsipnyakan harus sentiasa saling membantu. Namun.. Perkara paling jelas dalam membantu pada suku Alas adalah pada aspek ekonomi, pertanian, upacara adat istiadat (seperti perkahwinan, khitanan, dan kematian) serta pada situasi kecemasan.

P : Boleh dijelaskan pak...

RA2 : Ya... Akan saya jelaskan agak panjang. Ehm... Tolong-menolong di bidang pertanian merupakan suatu kewajiban di dalam suku Alas ya. Masyarakat kami menggantungkan diri dari hasil pertanian. Lahan pertanian yang dimiliki cukup luas sehingga usaha pertanian harus dilakukan secara bersama dan tolong-menolong. Eee. Ada beberapa bentuk budaya telah dilembagakan sebagai budaya suku Alas dalam hal tolong-menolong di bidang pertanian iaitu *pertama* Budaya *Peleng Akhi*, Budaya ini mempunyai erti 'bergiliran'. Maksudnya, bekerja sama dalam melakukan pekerjaan di bidang pertanian dengan metod bergiliran. Jadi, orang yang telah dibantu pekerjaannya oleh orang lain diwajibkan untuk membantu orang itu dalam mengerjakan pertaniannya di masa yang lain. Itulah yang dimaksud *Peleng Akhi*. Yang *kedua* ada istilah *Nempuhi*, artinya membantu orang lain dalam hal bertani tanpa mengharapkan timbal balik dari pekerjaan itu.

P : Tanpa mengharapkan imbalan?

RA2 : Ya. Ee.. Budaya ini biasanya dilakukan kepada orang yang dihormati seperti guru atau pemimpin kampung, serta orang yang mempunyai kelemahan secara fizik. Perilaku ini dimaksudkan agar guru atau pemimpin

dapat melakukan tugasnya dengan baik dalam mendidik atau memimpin masyarakat.

P : Ouh...

J : Ada beberapa bentuk bantuan yang ada dalam masyarakat Alas yang berkaitan dengan acara adat istiadat iaitu (1) *Tempuh*, ertinya bantuan yang diberikan oleh *sukut* iaitu saudara dekat atau satu marga. Bantuan ini tidak ditentukan, tetapi berdasarkan kemampuan orang yang memberinya. Kalau ada salah seorang dari suku kaum Alas hendak melakukan perkahwinan atau upacara adat lainnya maka diwajibkan bagi *sukut* atau saudaranya untuk membantu baik sumbangan material, sumbangan pikiran mahupun tenaga. (2) *Mebahan Nempuhi*, ertinya bekerja membantu dengan tenaga. Bantuan ini biasanya diberikan oleh pihak *pebekhunen* yang mempunyai kewajiban untuk membantu *walinya* yang mempunyai kegiatan acara adat. (3) *Pemamanen*, iaitu kegiatan dimana datangnya rombongan pihak *wali* dan kerabatnya dengan membawa bantuan (hadiah) berupa wang dan harta benda. Bantuan ini menunjukkan kasih sayang dari pihak wali kepada anak atau saudara perempuannya yang sedang melaksanakan kegiatan adat seperti perkawinan dan sunatan.

P : Terimakasih atas penjelasannya pak. Kemudian saya ingin tahu bagaimana suku Alas memberi bantuan kepada orang lain dari kalangan luar suku pak...

RA2 : Ya.. ya.. pertanyaan bagus dan penting ini. Ehm... Bagaimana ya... Kami (suku Alas) sentiasa menerima orang di luar suku kami seperti saudara. Apabila ada kecemasan sama ada ia berlaku pada orang di dalam suku Alas atau yang lainnya maka ia haruslah ditolong. Kalau ada orang yang datang dari jauh dan memerlukan pertolongan harus cepat dibantu. Ajakan pertama yang harus dilontarkan pada mereka adalah 'mari makan terlebih dahulu'. Ini penting, untuk menghindarkan orang tersebut dari pada rasa lapar dan situasi kecemasan.

P : Baik pak. Kemudian saya pula ingin mengetahui bagaimana sebenarnya perilaku saling membantu bila ditinjau dari segi ajaran agama yang menjadi landasan suku Alas dalam bekerjasama...

RA2 : Kami adalah suku yang beragama Islam yang menggalakkan memberi pertolongan kepada orang lain. Semua tindakan yang menolong harus dilakukan secara ikhlas dan sukarela. Allah akan memberi ganjaran kepada orang yang suka menolong di dunia dan di akhirat.

### VERBATIM 3

Temu Bual Penyelidik (P) dengan Responden Suku Gayo Pertama (RG1)

Tarikh : 21 April 2013

Pukul : 10.30

P : Ini pak. Saya ada perlu sedikit kepada Bapak. Saya ingin bertanya mengenai suku Gayo, apakah suku gayo tersebut mempunyai perilaku yang suka menolong?..

RG1 : Tentu. Tentu saja.. Dalam suku Gayo menolong merupakan suatu kewajiban. Ada slogan dalam suku Gayo yang menunjukkan kami suka menolong iaitu *talang bertulung berat berbantu*. Ertinya hidup itu harus saling menolong, kerana manusia tidak bisa hidup sendiri dan ia akan sentiasa memerlukan bantuan orang lain. Kerananya orang yang lemah harus dibantu oleh orang yang kuat. Lemah yang dimaksud dalam istilah tersebut menyangkut pada semua aspek. Kalau seseorang yang secara ekonomi lemah maka ia harus dibantu orang yang berekonomi kuat. Begitupun seseorang yang kekurangan tenaga, maka harus dibantu oleh orang lain dengan menyumbangkan tenaganya.

P : Baik pak. Kemudian kepada siapa saja orang suku Gayo ditekankan untuk memberi bantuan?

RG1 : Ya.. Kepada semua orang. Dalam suku Gayo memberi bantuan tidak membeda-bedakan siapa orangnya. Kalau dia pantas dibantu harus diberi bantuan.

P : Dapat dijelaskan lebih lanjut pak?

RG1 : Ya. Dalam budaya suku Gayo, hidup harus saling membantu dan bershilaturahim, kalau kita hidup tidak mahu tolong-menolong dan berinteraksi positif pada sesama, jangankan hidup bersanding dengan berbeza suku, dalam satu kaum pun kita akan dijauhi. Ehm.. Ini penting sekali, sehingga masyarakat itu dapat hidup rukun dan damai.

P : Dalam budaya suku Gayo apakah ada struktur budaya yang dibentuk sehingga ada fungsi setiap perorangan dalam kegiatan adat istiadat. Misalnya, ada secara budaya orang-orang yang harus dihormati, kemudian dengan demikian kita harus memberi bantuan pada mereka.

RG1 : Aaaa.. Ada. Seperti pada umumnya, kita harus menghormati orang yang lebih tua, para tokoh agama, tokoh pendidikan seperti guru-guru dan tokoh masyarakat.

- P : Maksud saya pak, apakah suku Gayo mempunyai adat istiadat yang khas untuk membatu mereka dalam pekerjaan sehari-hari.
- RG1 : Kalau secara khas tidak ada. Namun kalau diperlukan akan dikumpulkan para pemuda dan diminta untuk membantu mereka. Itupun kalau memang mereka minta bantuan.
- P : Terimakasih atas penjelasannya Pak. Saya lihat Bapak ada tamu, jadi saya mohon diri pak. Namun, nanti bila perlu saya akan datang lagi.
- J : Baik.. Kalau masih diperlukan. Dilain waktu dapat kita lanjutkan.

#### VERBATIM 4

Temu Bual Penyelidik (P) dengan Responden Suku Gayo Pertama (RG2)

Tarikh : 26 April 2013

Pukul : 16.30

P : Wawancara ini melanjutkan wawancara yang pernah saya lakukan kepada Ketua Adat Gayo beberapa hari yang lalu. Adapun temanya mengenai perilaku menolong atau altruisme di kalangan suku Gayo.

RG2 : Ya. Saya sudah mendapat informasi mengenai hal ini.

P : Bagaimana suku Gayo dapat mengamalkan altruisme, apakah ajaran agama yang dianut suku Gayo menyokong tingkahlaku altruisme?

RG2 : Orang suku Gayo sepenuhnya beragama Islam. Ehm.. Sedangkan agama Islam mengajarkan bahawa perilaku altruisme adalah termasuk amalan yang saleh. Sekecil-kecil amalan altruisme dalam Islam adalah memindahkan duri dari jalan, sehingga membuat orang yang melewatinya menjadi selamat. Apalagi membantu orang lain yang memerlukan pertolongan maka ianya dapat dianggap sebagai perbuatan yang mulia.

P : Baik Pak..

RG2 : Kemudian perilaku altruisme sangat berpengaruh dalam membentuk interaksi sosial yang baik antara ahli suku kaum. Interaksi sosial sama ada di bidang ekonomi, pertanian dan lainnya akan berjalan dengan baik apabila dilakukan dengan saling membantu. Begitupun kegiatan yang menyangkut adat istiadat akan terlaksana secara baik dengan bantuan yang diberikan oleh orang-orang dalam kumpulan. Orang yang mengabaikan kebersamaan dan tolong-menolong akan dikenakan sanksi iaitu dihukum dengan dikucilkan, dijauhi, diusir dari kampung dan tidak diakui sebagai orang Gayo.

P : Bererti ada punishment yang dijalankan dalam budaya Gayo. Kemudian saya ingin mengetahui bagaimana suku Gayo berhubungan dengan suku lainnya. Dan ini terkait dengan perilaku tolong-menolong atau altruisme.

RG2 : Ya. Jelaslah harus saling membantu. Kita berada di tempat ramai puak dari berbagai suku kaum. Semestinyalah kita berlaku baik bagi semua orang. Dalam situasi apapun kita harus mahu membantu orang lain walaupun ianya bukan dari ahli kumpulan sendiri. Suatu masa, kitapun akan memerlukan bantuan dari suku kaum lain sama ada bantuan itu dari perseorangan atau kelompok.



- P : Selanjutnya pertanyaan saya menyangkut perilaku tolong menolong dalam keadaan kecemasan. Apa yang dilakukan orang Gayo pak?
- RG2 : Dalam budaya suku kaum Gayo, apabila ada orang yang datang dari jauh dan memerlukan bantuan, masyarakat akan berkumpul untuk menerima maklumat tentang perkara tersebut. Bantuan akan diberikan secara bersama-sama dan dilakukan seikhlasnya. Biasanya akan dilakukan pengumpulan derma baik dari segi material mahupun yang lainnya yang dikenal dengan istilah *Tung-tung Iyet*.

## VERVATIM 5

Temu Bual Penyelidik (P) Dengan Responden Suku Batak Pertama (RB1)

Tarikh : 8 Mei 2013

Pukul : 16.00

P : Ada yang ingin saya tahu dari bapak mengenai perilaku menolong dalam kebudayaan Batak. Terutama berkenaan dengan kehidupan sehari-hari, baik tolong menolong itu dilakukan terhadap kalangan suku Batak sendiri ataupun dengan suku lainnya.

RB1 : Bagus sekali ini. Untuk apa? Ehm. Apa untuk kajian?

P : Ya pak. Untuk kajian disertasi saya, tentang perilaku altruisme di pelbagai suku di Aceh Tenggara pak.

RB1 : Baiklah. Altruisme, kalau tidak salah saya membantu dengan sukarela ya.

P : Ya pak. Benar sekali. Saya senang bapak sudah mengetahuinya.

RB1 : Ya. Saya pernah dengar itu.

P : Oh. Ya pak. Bagaimana perilaku orang suku Batak berkaitan dengan hal itu pak.

RB1 : Orang Batak adalah suku yang suka menolong. Perilaku menolong pada suku Batak dibina atas dasar struktur kekerabatan yang dikenal dengan istilah "*Dalihan na Tolu*". Ertinya setiap individu dalam suku kaum Batak secara struktur adat mempunyai tiga golongan iaitu *Hulahula*, *Dongan Tubu* dan *Anak Boru*. Ketiganya merupakan jawatan yang dipegang oleh orang Batak sekaligus.

P : Oh iya pak. Bagaimana dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari pak.

RB1 : Ya. Akan saya jelaskan. Namun kita harus faham dulu fungsi dan kedudukan dari *Dalihan na tolu* itu. Ia adalah tiga struktur kekerabatan masyarakat Batak: (1) *Hulahula* iaitu pihak keluarga dari isteri. *Hula-hula* ini menduduki kedudukan yang paling dihormati dalam pergaulan dan adat-istiadat Batak sehingga kepada semua orang Batak dipesanan harus hormat kepada *Hulahula*. (2) *Dongan ni Tubu* adalah saudara lelaki satu marga. Erti harfiahnya lahir dari perut yang sama. Mereka ini seperti batang pohon yang saling berdekatan, saling membantu. Kepada semua orang Batak dipesanan mesti bijaksana kepada famili semarga. Dan (3) *Boru* /

*Anak Boru* adalah pihak keluarga yang mengambil isteri dari suatu marga (keluarga lain). *Boru* ini menduduki kedudukan paling rendah sebagai *parhobas* atau pelayan, baik dalam pergaulan sehari-hari mahupun dalam setiap upacara adat. Namun walaupun berfungsi sebagai pelayan bukan boleh diperlakukan dengan semena-mena. Melainkan pihak *Boru* harus diambil hatinya dan dipujuk.

P : Ini semua dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari?

RB1 : Pada jaman dahulu ketiga fungsi ini harus diterapkan, sehingga sendi-sendi kehidupan orang Batak dapat bergerak secara baik. Namun, sekarang orang kaum muda banyak pula yang sudah tidak faham. Makanya organisasi suku Batak di Aceh Tenggara ini mencoba untuk tetap memperkenalkan budaya ini dan menerapkannya dalam kehidupan sehari-hari.

P : Lalu berkaitan dengan itu pak. Bagaimana perilaku altruisme dapat diamalkan dalam kalangan suku Batak pak?

RB1 : Perilaku altruisme (tolong-menolong) sangat penting bagi terciptanya kehidupan yang harmoni antara ahli kumpulan. Setiap kegiatan yang berkaitan dengan adat akan berjalan dengan baik. Begitupula kegiatan sehari-hari akan berjalan dengan lancar. Fungsi struktur kekerabatan yang telah dibina sejak dahulu menjadi satu asas lahirnya interaksi positif antara masyarakat pada suku Batak. Namun apabila ada ahli kumpulan yang tidak mahu tolong-menolong maka dengan sendirinya dia akan ditinggalkan, tidak disukai dan orang lain akan malas berinteraksi dengannya.

P : Jadi pak. Perilaku tolong menolong dalam suku Batak tidak terlepas dari filosofi dalihan na tolu ini pak.

RB1 : Ya. Dan ini seharusnya dijaga oleh ahli suku Batak di manapun mereka berada. Kerana ini sebagai suatu pertanda bahawa mereka adalah orang Batak.

## VERVATIM 6

Temu Bual Penyelidik (P) Dengan Responden Suku Batak Pertama (RB2)

Tarikh : 10 Mei 2013

Pukul : 15.00

P : Beberapa hari yang lalu saya ada mewawancarai salah seorang tokoh suku Batak tentang perilaku menolong yang dilakukan suku Batak di Aceh tenggara. Namun untuk melengkap data tersebut saya berkepentingan untuk mewawancarai bapak pada permasalahan yang sama.

RB2 : Apa saja yang dibicarakan pada wawancara terdahulu?

P : Kami telah membicarakan masalah perilaku tolong menolong pada suku Batak. Apakah suku Batak suka menolong dan pada aspek apa saja tolong menolong dilakukan.

RB2 : Oh ya. Jadi apalagi yang perlu saya beri masukan?

P : Mungkin Bapak boleh memberi tambahan mengenai perilaku tolong-menolong dalam suku Batak tersebut? Dalam bidang apa saja?

RB2 : Suku Batak suka menolong terutama dalam hal sosial-budaya dan pertanian. Dalam suku Batak dikenal banyak sekali acara-acara adat, sehingga diperlukan upaya gotong-royong yang tinggi. Begitupula dalam pertanian dan kehidupan sehari-hari posisi mereka dalam budaya kekerabatan sama ada sebagai *Hula-hula*, *Anak Boru* dan *Dongan ni Tubu* sentiasa dipakai. Fungsi dan tugas orang Batak ini senantiasa digambarkan dengan *Dalihan na tolu*.

P : Ya pak.

RB2 : Tiga struktur kekerabatan dalam masyarakat Batak dengan sendirinya mengharuskan setiap individu dalam kumpulan agar bekerja untuk bantu-membantu orang lain dalam kumpulan. Seperti yang telah dijelaskan tadi maka jelaslah dapat dikatakan bahwa suku Batak itu sangat menggalakkan perilaku altruisme. Orang yang tidak menjalankan fungsinya dalam struktur kekerabatan akan dipertanyakan status kesukuannya. Biasanya orang seperti ini akan menerima akibatnya, iaitu dikucilkan. Walaupun dia orang yang kaya dan jawatan ia harus mahu bekerja membantu saudaranya sesuai dengan fungsinya dalam keluarga dan masyarakat Batak.

P : Bagaimana perilaku menolong atau altruisme dilihat dari kacamata agama orang Batak?

RB2 : Orang Batak pada umumnya menganut agama kalau tidak Kristian Protestan maka ia beragama Katolik. Sedikit sekali Orang Batak beragama Islam. Sedangkan bagi agama Kristian dan Katolik diajarkan perilaku '*agape*' iaitu membantu orang lain sebagai pertanda membawa kasih sayang Tuhan di muka bumi. Agape berarti membantu tanpa mengharapkan balasan apapun daripada orang yang dibantu itu. Orang Batak yang tidak mahu menolong saudaranya sama saja tidak menghormati agamanya. Orang yang tidak menghormati agamanya tidak akan menghormati sesamanya.

P : Orang Batak apakah mengerti dengan ajaran agama ini?

RB2 : Saya kira sebagian besar mereka tahu. Kenapa demikian, karena masyarakat Batak sentiasa diberikan ceramah-ceramah agama oleh pendeta dan ahli agama di setiap kampung-kampung. Hal ini dimaksudkan agar mereka tidak lupa untuk melaksanakan kewajipan mereka sebagai pemeluk agama Kristian.

P : Baik pak. Kemudian adalagi pertanyaan saya menyangkut kajian saya ini, yaitu bagaimana suku Batak berperilaku altruisme kepada orang lain yang berasal dari suku lain...

RB2 : Suku Batak merupakan suku yang terbuka. Ia akan menerima orang lain yang berperilaku baik walaupun bukan dari sukunya. Bahkan orang luar suku yang sudah mempunyai hubungan yang dekat dapat pula diangkat sebagai saudara. Budaya Batak melazimkan hal ini berlaku. Orang yang dekat dengan orang Batak dapat pula masuk menjadi suku Batak dan memiliki marga selayaknya orang Batak. Perilaku altruisme dengan orang luar dapat pula terjadi ketika ada perkahwinan antara suku Batak dengan suku lainnya. Dengan sendirinya orang tersebut akan mempunyai fungsi sebagaimana struktur kekerabatan dalam suku Batak tersebut.

P : Oke pak.

RB2 : Ini juga menyangkut hubungan baik dengan suku yang lain sehingga suku kitapun dapat diterima di Aceh Tenggara ini. Ehm. Eeee. Pada awalnya orang Batak datang ke Aceh Tenggara adalah kerana menjadi buruh tani, dan pekerjaan lainnya. Dengan mengandalkan hubungan baik dengan kerajaan yang ada di Aceh Tenggara maka masyarakat Batak dapat bermigrasi secara bertahap. Pada masa pemerintahan Belanda, masyarakat Batak juga mempunyai hubungan baik dengan Belanda dan menjadi pekerja. Migrasipun berlanjut dengan bantuan bangsa belanda. Karena itu hubungan baik mestilah dijalin dengan siapapun. Saling tolong menolong antara suku pun harus dibina sehingga dapat hidup berdampingan.

## VERVATIM 7

Temu Bual Penyelidik (P) Dengan Responden Suku Karo Pertama (RK1)

Tarikh : 23 Mei 2013

Pukul : 15.30

P : Wawancara ini saya mulai dengan menjelaskan sedikit maksud dilakukannya wawancara ini. Saya ini pak sedang mempelajari bagaimana budaya masyarakat Karo dalam melakukan tolong menolong antara sesama. Baik di kalangannya sendiri mahupun dengan orang lain dari luar sukunya.

RK1 : Baiklah.

P : Pertama sekali saya ingin tahu bagaimana suku Karo menerapkan perilaku tolong menolong antara sesamanya?

RK1 : Dalam budaya Karo perilaku tolong-menolong sangat ditekankan. Hal ini dapat dilihat dari pembagian tugas dalam budaya Karo, sehingga setiap orang Karo harus bekerja dan saling membantu sesuai dengan tugasnya masing-masing dalam suatu kegiatan. Tugas ini dengan sendirinya ada dalam diri orang Karo. Semua orang Karo yang telah berkahwin pastilah memegang tiga peranan dalam hidup bermasyarakat. Ertinya mereka adalah *Kalimbubu* daripada saudara perempuan mereka, mereka juga merupakan *Anak Beru* dalam keluarga isteri mereka dan sekaligus menjadi *Senina* bagi saudara mereka sedarah dan se marga. Maka dalam budaya Karo dikenal istilah *Rakut si telu* yang artinya adalah tiga ikatan.

P : Ehm. Ini boleh dikatakan sebagai falsafah yang mendasari perilaku orang Karo ya pak? Boleh dijelaskan lebih terperinci pak, bagaimana filosofi ini dijalankan dalam tolong menolong?

RK1 : Ketiga jawatan dalam kekerabatan orang Karo ini mempunyai fungsi masing-masing dalam perilaku tolong-menolong. *Kalimbubu* adalah orang yang berada pada tempat yang dimuliakan dan berfungsi sebagai seorang yang harus dibantu apabila mempunyai pekerjaan oleh *Anak Beru* mahupun *Senina*. *Anak Beru* adalah orang yang harus bekerja “mengeluarkan tenaga” ketika berada di tengah-tengah *Kalimbubunya*. Tidak hanya pada acara adat istiadat, pada interaksi sosialpun, mereka selalu berupaya membantu pekerjaan yang ada di tengah-tengah keluarga *kalimbubunya*. Sedangkan *Senina* adalah peran yang tidak kalah pentingnya dalam budaya suku Karo. Ia berperan sebagai orang yang membantu dalam bentuk material yang diperlukan oleh saudaranya yang sedang berkepentingan melakukan sebuah kegiatan adat istiadat. Di dalam kehidupan sehari-haripun *Senina* sentiasa

membantu saudaranya (sama ada saudara kandung atau satu marga) karena posisi Senina dalam suku Karo ibaratnya satu tubuh”.

P : Dalam bidang apa saja perilaku ini dapat diterapkan pak?

RK1 : Perhatian suku Karo dalam bidang pertanian sangat besar, sehingga diadakan berbagai upacara adat menyangkut bidang pertanian ini. Kebersamaan dalam melaksanakan kegiatan budaya akan dilanjutkan dengan kebersamaan dalam bercocok tanam dan bekerja dalam lahan pertanian.

P : Jadi dapat dikatakan bahawa orang Karo telah membuat landasan adat tolong menolong sehingga membuat tiga aras fungsi setiap individunya dalam rakut si telu. Apa demikian pak?

RK1 : Dengan ditetapkannya struktur kekerabatan yang tiga seperti yang telah dijelaskan di atas tadi maka jelaslah dapat dikatakan bahwa suku Karo itu sangat menggalakkan perilaku altruisme.

P : Apakah ada orang Karo yang tidak melakukan tugasnya sesuai dengan falsafah tolong menolong tersebut pak?

RK1 : Kalau ada orang yang tidak menjalankan fungsinya dalam struktur kekerabatan maka akan dipertanyakan norma sosialnya. Hukuman ada biasanya diberikan dengan mengucilkannya dari pergaulan, bahkan adapula yang diusir dari kampungnya.

## VERVATIM 8

Temu Bual Penyelidik (P) Dengan Responden Suku Karo Pertama (RK2)

Tarikh : 27 Mei 2013

Pukul : 10.30

P : Wawancara ini saya lakukan untuk mengetahui perilaku menolong pada suku Karo pak. Ini diperlukan untuk kajian yang saya lakukan tentang perilaku altruisme di Aceh Tenggara.

RK2 : Oh ya. Kajian untuk sarjana?

P : Untuk Ph.D pak, Doktor.

RK2 : Bagus sekali ya.

P : Ya pak.

RK2 : Apa yang boleh saya bantu untuk itu?

P : Suku Karo yang saya tahu mempunyai agama yang beragam pak, terus bagaimana kaitannya dengan perilaku tolong-menolong apakah ada perbezaan di antara mereka mengenai hal ini?

RK2 : Suku Karo adalah suku yang mempunyai agama yang beragam. Menurut sejarah, agama Kristian dan Katolik masuk melalui pengaruh bangsa Belanda ketika menjajah dahulu. Sedangkan agama Islam masuk ke tanah Karo dibawa oleh pedagang dari Aceh. Namun demikian sebahagian masyarakat suku Karo masih mempercayai kepercayaan animisme yang disebut dengan agama *Pelbegu*. Kepercayaan agama *Pelbegu* saat ini dianuti oleh sebahagian kecil dari mereka.

P : Oh. Ehm. Informasi yang bagus ni pak.

RK2 : Ya. Orang Islam dalam suku Karo percaya bahawa perbuatan menolong merupakan amalan yang 'shalih' iaitu amalan yang baik. Dalam agama Islam tidak boleh hanya beriman saja tetapi mereka juga harus membantu sesama manusia dan sesama makhluk. Bagi agama Kristian dan Katolik diajarkan perilaku 'agape' iaitu membantu orang lain sebagai pertanda membawa kasih sayang Tuhan di muka bumi. Agape berarti membantu tanpa mengharapkan balasan apapun daripada orang yang dibantu itu.

P : Oh ya pak. Maaf pak. Saya melihat Bapak faham mengenai beberapa ajaran agama ini.



- RK2 : Ya. Kebetulan saya mempelajarinya, karena masyarakat Karo terdiri dari berbagai agama.
- P : Bagaimana penjelasan bapak mengenai perilaku tolong menolong dalam budaya Karo, apakah ia menjadi sebuah kewajiban?
- RK2 : Ya. Kitakan makhluk sosial. Masyarakat Karo siapapun orangnya tidak akan dapat berdiri sendiri. Apalagi kita menyandarkan mata pencaharian melalui pertanian, maka diharuskan saling tolong-menolong. Orang yang tidak mahu membantu saudaranya maka ia akan mendapatkan balasan dengan tidak dibantu oleh yang lainnya. Perilaku altruisme (tolong-menolong) sangat penting bagi terciptanya kehidupan yang harmoni antara ahli kaum suku. Setiap kegiatan yang berkaitan dengan adat akan berjalan dengan baik. Begitupula kegiatan sehari-hari akan berjalan dengan lancar. Fungsi struktur kekerabatan yang telah dibina sejak dahulu menjadi satu asas lahirnya interaksi positif antara masyarakat pada suku Karo.
- P : Bagus sekali budaya yang telah dibina dalam suku Karo ini pak. Namun bagaimana perilaku tolong menolong dilakukan dengan orang di luar suku?
- RK2 : Ehm.. Eee. Hidup di tengah-tengah masyarakat yang ramai puak, kita haruslah pandai-pandai berperilaku baik. Kerana pada dasarnya manusia itu suka bila saling menghormati dan mengahragai. Masyarakat Karo juga suku yang terbuka dan bersahabat. Ia akan menerima orang lain yang berperilaku baik daripada suku manapun. Masyarakat Karo telah membaur dengan suku lainnya di Aceh Tenggara dengan persahabatan, membentuk kekerabatan dengan perkahwinan dan berhubungan baik di bidang ekonomi dan sosial budaya.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Altruisme merupakan perilaku menolong yang dilakukan dengan sukarela. Ia juga ditakrifkan sebagai tindakan memberi bantuan kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran dari orang yang ditolong (Macaulay & Berkowitz, 1970). Altruisme dapat digolongkan sebagai salah satu daripada perilaku prososial, iaitu perbuatan positif yang memberikan manfaat kepada orang lain dan alam sekitar (Batson 1998).

Perilaku altruisme dalam perspektif psikologi sosial sentiasa bertentangan dengan perilaku egoisme/egotisme. Makna daripada egoisme iaitu semua perilaku yang berpunca untuk memuaskan diri sendiri, dan melihat bahawa kejayaan individu atau kumpulan sendiri lebih utama berbanding kepentingan orang lain (De Waal, 2009). Oleh itu, setiap perbuatan yang bermatlamat memberikan keuntungan pada diri dilihat sebagai satu perbuatan yang baik, sebaliknya perbuatan yang buruk adalah manakala berakibat kepada merugikan diri sendiri (Rachlin, 2002; Nietzsche, 1996).

Perilaku altruisme dan perilaku egoisme akan melahirkan kesan yang berbeza dalam kehidupan sosial sesuatu masyarakat. Masyarakat yang mengamalkan perilaku altruisme akan cenderung hidup dengan sifat toleransi yang tinggi, berinteraksi secara positif dan saling membantu dalam kehidupan seharian. Hal ini disebabkan orang yang berperilaku altruisme sentiasa peka terhadap permasalahan masyarakat di sekeliling mereka (VanLange, Otten, DeBruin, & Joireman, 1997). Manakala

perilaku egoisme pula sentiasa mengabaikan orang lain, dan tidak suka membantu sesamanya jika tidak mendatangkan manfaat bagi dirinya. Dalam masyarakat yang sebegini, akan lahir prasangka sosial (prejudis) yang berasaskan sifat mementingkan kumpulan sendiri (*group selfish*) dan menyerang kelompok lain dengan memberikan stereotaip yang negative kepada mereka dan menganggap mereka lebih rendah dan hina (Lipman, 1922; Fazio & Olson, 2003).

Perilaku altruisme mempunyai kaitan dengan budaya yang menekankan kepada norma-norma sosial tertentu (Aarts, & Dijksterhuis, 2003). Dalam masyarakat yang menekankan budaya kolektivis misalnya, perpaduan dan kepentingan bersama lebih diutamakan daripada kepentingan individu (Lampridis & Papastylianou, 2014). Penekanan kepada budaya sebegini, berkemungkinan besar mengalakkan kepada tingkah laku menolong demi menjamin perpaduan dan kepentingan bersama. Hal ini menunjukkan bahawa perilaku altruisme boleh dipengaruhi oleh faktor budaya seperti situasi dan norma sosial (Franzoi, 2009; Moghaddam, Taylor, & Wright, 1993).

Franzoi (2009) mengenal pasti empat norma sosial yang berkait rapat dengan perilaku altruisme iaitu; *norm of reciprocity* (norma balas budi), *norm of social responsibility* (norma tanggung jawab sosial), *norm of social justice* (norma keadilan sosial) dan budaya kolektivis. Norma balas budi menyatakan bahawa setiap orang mahupun masyarakat akan merasa tidak selesa apabila tidak mampu memberi balasan atau bantuan kepada orang lain yang telah membantu mereka (Brown & Moore, 2001). Dari segi ini, norma balas budi akan mengalakkan tingkah laku membantu kerana setiap tingkah laku membantu akan dibalas dengan tingkah laku yang lain. Hal ini seterusnya akan mengalakkan lebih banyak timbulnya tingkah laku

altruisme dalam masyarakat yang menekankan kepada norma balas budi (Trivers, 1971).

Norma tanggungjawab sosial ialah norma yang menyatakan bahawa kita harus membantu orang lain yang memerlukan bantuan dan bergantung sepenuhnya pada kita (Miller & Stark, 2002; Schwartz & Howard, 1982). Pertolongan berkaitan dengan norma tanggung jawab sosial jelas ketika berlaku kemalangan ataupun bencana alam. Masyarakat mempunyai tanggung jawab sosial untuk memberi bantuan pada korban kemalangan ataupun bencana alam (Schwartz, 1994).

Norma keadilan sosial pula ialah suatu norma yang menyatakan bahawa kita sepatutnya memberi bantuan ketika kita yakin bahawa orang yang akan kita bantu memang layak untuk mendapat bantuan kita (Batson, 2002). Oleh kerana itu, orang yang berhak mendapat bantuan adalah orang yang berperilaku baik dan mempunyai hubungan yang baik dengan orang yang membantunya. Apabila orang tersebut menghadapi kesulitan maka mereka terdorong (dan merasakan adil) untuk membantunya.

Budaya kolektivis ialah model interaksi masyarakat di dalam suatu kumpulan yang lebih mementingkan nilai perpaduan dan kepentingan kumpulan daripada kepentingan individu (Lampridis & Papastylianou, 2014; Triandis, McCusker, & Hui 1990). Dalam masyarakat yang menekankan budaya ini, ahlinya sentiasa saling tolong-menolong dalam semua aspek kehidupan. Bahkan dalam beberapa kajian, ditemukan bahawa masyarakat berbudaya kolektivis bersikap terbuka kepada orang lain walaupun berasal dari luar kumpulannya. Hal ini membuat mereka dianggap lebih altruis daripada masyarakat berbudaya individualis (Lampridis & Papastylianou, 2014; Whitng & Edward, 1988).

Selain faktor budaya, faktor kepercayaan agama juga mempengaruhi perilaku altruisme. Hampir semua agama di dunia menyokong perilaku altruisme dan menolak perilaku mementingkan diri sendiri. Selain itu, beberapa penyelidikan membuktikan bahawa keagamaan mempengaruhi perilaku altruisme (Norenzayan, 2014; Blogowska 2013). Kedua-dua penyelidikan tersebut membuktikan bahawa ada pengaruh orientasi beragama terhadap perilaku altruisme. Orientasi agama intrinsik-- iaitu orang yang beragama dengan kesungguhan-- mempunyai hubungan yang signifikan dengan perilaku altruisme. Sebaliknya, orientasi beragama ekstrinsik-- iaitu orang yang beragama hanya kerana kebiasaan saja-- tidak menunjukkan ada hubungan yang positif dengan perilaku altruisme. Dalam penyelidikan ini selebihnya menyatakan bahawa agama intrinsik dapat menurunkan tingkat permusuhan, penghinaan dan kefanatikan.

Perilaku altruisme sebagai perilaku prososial juga penting bagi menghasilkan interaksi positif antara individu dan kelompok masyarakat. Interaksi positif adalah interaksi antara individu atau kelompok yang mana di dalamnya terdapat suasana saling mempercayai, menghargai, dan saling menyokong (Siagian, 2004). Interaksi sebegini mampu membendung konflik yang mungkin berlaku di antara individu dalam masyarakat kerana adanya penghargaan dan sokongan secara timbal balik dari individu atau kumpulan yang ditolongnya (Alexander, 1987; Trivers, 1971). Sedangkan interaksi positif antara etnik mengikut Gaertner dan Dovidio (1977), adalah upaya yang paling efektif untuk menghilangkan prasangka (prejudis) di antara etnik yang berbeza yang boleh menjadi punca terjadinya konflik.

Kajian ini meneliti perilaku altruisme dalam konteks masyarakat pelbagai budaya di Aceh Tenggara, Indonesia. Lebih khusus lagi, kajian akan membandingkan perilaku

altruisme di kalangan empat suku utama di Aceh Tenggara iaitu Alas, Gayo, Batak dan Karo. Kajian juga melihat bagaimana perilaku altruisme dipengaruhi oleh norma-norma sosial dan sikap keberagamaan dalam keempat-empat suku utama ini. Turut dikaji ialah bagaimana perilaku altruisme dapat membentuk interaksi positif antara individu dan antara kelompok masyarakat tersebut.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Indonesia merupakan negara yang terdiri dari pelbagai puak, bangsa dan agama. Negara ini merupakan negara yang besar dengan banyak pulau dan menjangkau wilayah laut yang luas. Terdapat ribuan etnik dengan budaya dan bahasa yang berbeza sama sekali. Dalam satu pulau seperti di Papua sahaja, terdapat 230 bahasa yang berbeza yang digunakan oleh penduduk tempatan di sana. Selain itu, terdapat juga pulau-pulau lain seperti Sumatera, Jawa, Maluku, Bali, Kalimantan dan Sulawesi yang penduduknya terbahagi kepada pelbagai puak dan mempunyai bahasa tersendiri (Suryadinata & ISAS, 1999).

Perbezaan yang banyak didapati tidak hanya disebabkan pulau yang banyak sahaja tetapi dalam satu daerah juga boleh pula didapati pelbagai etnik, budaya, suku mahupun agama. Oleh kerana itu tidak hairanlah antara orang Indonesia dapat dilihat juga perbezaan fizikal yang menunjukkan mereka berasal dari daerah yang berbeza (Koentjaraningrat, 1971).

Kajian ini dikhususkan di salah satu daerah di wilayah Aceh iaitu Kabupaten Aceh Tenggara. Daerah ini walaupun agak kecil tetapi mempunyai penduduk yang terdiri dari etnik dan agama yang berbeza serta menggunakan bahasa yang berbeza. Terdapat

empat puak yang besar dan tiga agama yang berbeza yang dianuti oleh masyarakat tempatannya. Kaum etnik yang terbesar adalah puak Alas (53% / 98,320 orang), diikuti suku Batak (14.4% / 26,713 orang), Gayo (12% / 22,261 orang), Karo (7.5 % / 13,913 orang) dan lain-lain (13.1% / 24,303 orang). Menurut laporan statistik, jumlah penduduk Aceh Tenggara pada tahun 2012 ialah 185,510 orang (Badan Statistik Aceh Tenggara, 2012).

Masyarakat Aceh Tenggara walaupun terdiri dari banyak suku namun dapat hidup berdampingan dengan baik. Perilaku saling membantu di kawasan ini dilakukan tidak hanya kepada ahli dalam satu kumpulan sahaja, namun bantuan dapat dilakukan kepada ahli daripada suku lainnya. Kerananya perilaku altruisme dapat dilihat dari berbagai aspek sama ada di bidang sosial, ekonomi dan budaya.

Perilaku altruisme antara berbagai kalangan suku di Aceh Tenggara mungkin diasaskan kepada ajaran agama dan budaya kolektivis yang menjadi ciri semua suku itu. Hal ini juga disokong kerana suku Alas yang merupakan suku asli dan yang paling ramai ahlinya mempunyai karakteristik sebagai suku terbuka dan sangat menekankan budaya menolong sama ada kepada sesama ahlinya mahupun kepada ahli suku lainnya.

Suku Alas sebagai puak majoriti, adalah penganut agama Islam yang mana adat istiadat mereka juga sentiasa diwarnai oleh ajaran Islam. Begitu juga suku Gayo, di mana hampir 100% masyarakatnya beragama Islam dan adat istiadatnya kebanyakannya dipengaruhi oleh ajaran Islam. Berlainan dengan dua etnik di atas, Suku Batak dan Karo di Aceh Tenggara, majoriti masyarakatnya beragama Kristian (Alpin, 2004).

Walaupun demikian, perbezaan dan perselisihan antara individu yang dilatarbelakangi perbezaan budaya dan agama ada muncul walaupun jarang sekali terjadi. Apalagi sejarah panjang daripada interaksi yang mereka lakukan turut melahirkan stereotaip dan prejudis yang negatif antara suku. Ini sesuai dengan pendapat para pakar psikologi sosial yang menyatakan bahawa stereotaip dan prejudis muncul kerana penilaian yang diasaskan oleh perasaan yang tidak senang dengan kumpulan lain (Fiske, 2002).

Ketika kawasan ini dijajah oleh bangsa Belanda, stereotaip dan prejudis di antara puak tersebut telah dimanfaatkan untuk memecah persatuan mereka sehingga mudah ditakluki. Orang Belanda yang menjajah pada masa itu menggunakan taktik *divide at impera* iaitu politik pecah belah antara puak yang ada (Purwanto, 2001). Ada pelbagai stereotaip yang dikenakan kepada setiap puak sehingga sering memberi gambaran negatif dan prasangka (prejudis). Misalnya, puak Alas mempunyai stereotaip puak yang pemalas, suku Gayo stereotaipnya adalah puak yang ego dan tidak bersahabat dan seterusnya. Stereotaip inilah yang kemudian seringkali menghasilkan interaksi yang kurang mesra di antara mereka (Alpin, 2004).

Di lain pihak, setiap puak mempunyai tradisi yang khas dan norma sosial yang dijadikan acuan perilaku masing-masing anggota kumpulan (Tinsley & Weldon, 2003). Sebagaimana budaya yang lahir di dunia Timur, semua puak tersebut cenderung kolektivis sehingga mereka sentiasa mempertahankan tradisi nenek moyang mereka dan melahirkan perilaku adat yang meneguh atau memperkukuh (*reinforcement*) (Hofstede, 1991; Triandis 1994). Kecenderungan ini menyebabkan munculnya perbezaan sikap dan perilaku dalam beberapa hal seperti perilaku prososial--termasuk perilaku altruisme-- dan anti-sosial (Batson, 2002).



Perbezaan perilaku, sikap, norma dan adanya stereotip serta prejudis di antara puak merupakan punca terjadinya permusuhan dan kebencian yang dimulakan oleh perilaku diskriminasi (Faturachman, 2004; Brown, 1995). Namun, dalam sejarah interaksi antara puak tersebut, konflik besar belum pernah berlaku. Hanya permasalahan kecil yang selalu terjadi walau bagaimanapun selalunya boleh diselesaikan dengan cara bermesyuarat.

Masalah yang timbul selalunya berkaitan dengan perbezaan agama yang dianuti oleh masyarakat tempatan. Masalah yang berkaitan dengan kehidupan beragama adalah yang paling sensitif kerana ia berkaitan dengan kepercayaan. Ianya lebih dominan daripada masalah yang ditimbulkan oleh perbezaan perilaku budaya di wilayah ini. Hal ini mendorong pihak kerajaan membentuk suatu lembaga sosial yang khusus untuk menangani masalah perbezaan agama iaitu Forum Kerukunan Umat Beragama (FKUB). Mereka yang menjadi ahlinya adalah dalam bidang agama masing-masing seperti ulama dan pendeta (Bupati Aceh Tenggara, 2009).

Masalah yang sering berlaku adalah mengenai penghormatan kepada penganut agama lain, isu berkaitan hari perayaan sesuatu agama, tatacara pemeliharaan dan penyembelihan haiwan haram seperti babi di sesuatu wilayah dan juga mengenai penjualan minuman keras, baik moden atau tradisional (FKUB Aceh Tenggara, 2009).

Semua permasalahan tersebut dapat menjadi bibit konflik sehingga boleh menghilangkan perilaku altruisme di antara suku. Demikian pula sebaliknya, kalau perilaku altruisme sudah hilang maka akan sangat mudah muncul permusuhan dan perpecahan. Padahal, kerukunan hidup dan perdamaian merupakan tujuan daripada

hidup bermasyarakat sehingga semua individu dapat hidup tenang dan damai di dalamnya.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting sebagai satu usaha untuk mempelbagaikan kaedah-kaedah teori dalam aspek psikologi sosial khususnya terhadap perilaku prososial khasnya berkenaan dengan perilaku altruisme. Dapatan kajian diharapkan dapat menjadi salah satu tanda aras bagi para penyelidik agar seterusnya dapat mendalami permasalahan perilaku dalam interaksi sosial dan memahami aspek yang menjadi asas berlakunya interaksi sosial tersebut terutama sekali perilaku pro-sosial yang merangkumi perilaku altruisme.

Berbagai kajian tentang perilaku altruisme telah banyak dilakukan di dunia Barat, tetapi sangat sedikit kajian ini dilakukan di dunia Timur. Oleh yang demikian, secara teoritikal, kajian ini diharapkan dapat melahirkan pemahaman dan teori terkini mengenai perilaku altruisme dalam konteks dunia Timur yang mempunyai penduduk yang terdiri dari pelbagai latarbelakang agama, suku dan budaya seperti Indonesia dan Malaysia. Hal ini, penting dilakukan kerana dalam masyarakat yang heterogenic, prejudis dan stereotaip antara kumpulan sangat mungkin terjadi sehingga boleh mendatangkan konflik sama ada kecil dan besar.

Secara praktikal, kajian ini akan berguna bagi pihak kerajaan untuk mencegah agar tidak terjadi permusuhan dan konflik antara pemeluk agama dan suku yang berbeza di wilayah tersebut, sebagaimana yang telah terjadi di beberapa wilayah di dunia lainnya. Keputusan penyiasatan ini dapat menghasilkan satu data yang berguna

kepada kerajaan tempatan dalam usaha untuk melahirkan satu kefahaman tentang perilaku altruisme dalam kalangan masyarakat terutama kabupaten Aceh Tenggara dan boleh melahirkan interaksi positif yang seterusnya boleh meminima berlakunya konflik di daerah ini.

Kajian ini juga berbentuk perbandingan dimana praktis dan kesan perilaku altruisme di antara suku kaum yang berbeza akan dapat diteliti. Ini membantu membentuk kefahaman yang bukan sahaja menyeluruh, malahan mendalam.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Berdasarkan kenyataan masalah yang diketengahkan, pengkaji mengemukakan persoalan yang perlu dijawab oleh kajian ini seperti di bawah:

1. Adakah terdapat perbezaan perilaku altruisme antara puak Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara?
2. Adakah terdapat perbezaan norma sosial antara puak Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap keagamaan antara puak Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara?
4. Adakah terdapat perbezaan interaksi positif antara suku Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara?
5. Bagaimana hubungan aspek norma sosial suku Alas, Gayo, Batak dan dengan tingkah laku altruisme?
6. Bagaimana hubungan tingkat keagamaan dengan perilaku altruisme dalam masyarakat suku Alas, Batak dan Karo?

7. Apakah ada hubungan perilaku altruisme dengan interaksi positif antara kumpulan empat suku utama di Kabupaten Aceh Tenggara?
8. Apakah terdapat perbezaan perilaku altruisme antara jantina daripada suku Alas, Gayo, Batak dan Karo dalam komuniti masyarakat Aceh Tenggara.

### **1.5 Objektif Kajian**

Sebagaimana kenyataan masalah yang telah disusun di atas maka objek kajian ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti perbezaan perilaku altruisme antara puak Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara.
2. Untuk mengenal pasti perbezaan norma sosial antara puak Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara.
3. Untuk mengenal pasti perbezaan tahap keagamaan antara puak Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara.
4. Untuk mengenal pasti perbezaan interaksi positif antara suku Alas, Gayo, Batak dan Karo di Aceh Tenggara.
5. Untuk mengenal pasti hubungan aspek norma sosial suku Alas, Gayo, Batak dan dengan tingkah laku altruisme.
6. Untuk mengenal pasti hubungan tingkat keagamaan dengan perilaku altruisme dalam masyarakat suku Alas, Batak dan Karo.
7. Untuk mengenal pasti hubungan perilaku altruisme dengan interaksi positif antara kumpulan empat suku utama di Kabupaten Aceh Tenggara.
8. Untuk mengenal pasti perbezaan perilaku altruisme antara jantina daripada suku Alas, Gayo Batak dan Karo dalam komuniti masyarakat Aceh Tenggara

## **1.6 Susunan dan Ulasan Kajian**

Keseluruhan kandungan kajian ini terdiri daripada lima bab. Sebagai pengenalan kajian, Bab 1 iaitu bab awal yang akan membincangkan rangka umum kajian yang meliputi latar belakang masalah, soalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Susunan kandungan kajian akan diikuti dengan Bab 2 iaitu bahagian ulasan literatur pembelajaran yang mengandungi tinjauan literatur pembelajaran yang berkenaan. Bab ini akan meliputi perbincangan umum mengenai pengertian altruisme, teori psikologi yang memperbincangkannya dan faktor budaya yang berkaitan dengan perilaku altruisme. Pada bab ini juga dibahas mengenai pandangan agama berkaitan dengan altruisme sehingga jelas bagaimana agama menganjurkan perilaku altruisme tersebut.

Bab 3 di dalam kajian ini akan menerangkan reka bentuk penyelidikan yang akan digunakan bagi kajian ini. Bahagian ini meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian, tatacara pemilihan responden, kaedah pungutan data, serta analisis data yang akan ditetapkan. Bab ini juga akan membentangkan secara khusus definisi istilah utama yang difokuskan oleh kajian. Bab 4 di dalam kajian ini menerangkan tentang hasil kajian kuantitatif dan kualitatif. Bab 5 menerangkan secara khas mengenai perbincangan hasil kajian dengan teori yang berlaku, limitasi kajian, implikasi kajian dan rumusan kajian.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bagaimana budaya dan agama mempunyai hubungan dengan perilaku altruisme. Turut dikaji ialah hubungan perilaku altruisme dengan interaksi positif antara individu dan antara kumpulan. Ke semua ini dikaji dalam konteks perbandingan antara empat kumpulan berbeza dan dikaji dari sudut teori serta amalannya dalam bidang psikologi sosial.

Bagi maksud itu, bab ini akan dimulakan dengan sorotan karya yang relevan dengan topik kajian. Pengertian dan pertikaian mengenai altruisme yang sering diperbincangkan ialah apakah berdasarkan dari pembentukan persekitaran atau merupakan sesuatu yang diwarisi sejak manusia itu lahir. Perbincangan tentang altruisme dan hubungannya dengan konflik, situasi budaya tertentu serta ajaran agama turut dibincangkan secara khas. Penganalisan sorotan karya dan teori ini akan digunakan dalam membentuk rangka konseptual kajian ini yang akan dibincangkan di akhir bab.

#### **2.2 Definisi Altruisme**

Dari sudut bahasa, altruisme berasal dari bahasa Perancis iaitu altrui yang bererti "orang lain" yang merupakan terbitan dari kata asal latin "Alter". Secara epistemologis, istilah altruisme bermaksud: 1. Mencintai orang lain seperti mencintai

diri sendiri (*Loving others as oneself*). 2. Perilaku yang mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan orang lain walaupun boleh merugikan diri sendiri (*Behaviour that promotes the survival chances of others at a cost to one's own*). 3. Mengorbankan kepentingan diri sendiri agar bermanfaat bagi orang lain (*Self-sacrifice for the benefit of others*) (Scott & Seglow 2007).

Istilah altruisme dicipta oleh Comte (1798-1857), iaitu pengasas kepada falsafah positivisme. Comte, (1852) dalam karyanya, *Catechisme Positiviste*, mengatakan bahawa setiap individu mempunyai kehendak moral untuk memenuhi kepentingan orang lain atau melakukan kebaikan kemanusiaan secara keseluruhan (*greater good of humanity*). Kehendak hidup bersama ini merupakan satu bentuk nilai moral manusia, yang memberi hala tuju kepada naluri untuk berbakti yang kemudiannya menjadi sumber kebahagiaan dan karya. Sebagai sebuah doktrin etika, altruisme bererti memberi kepuasan kepada orang lain dengan meletakkan kepentingan orang lain lebih atas dari kepentingannya sendiri (Pugmire, 1978).

Altruisme juga merupakan tindakan sukarela untuk menolong orang lain tanpa mengharapkan ganjaran dalam bentuk apapun atau disebut juga sebagai tindakan tanpa maksud tersembunyi. Altruisme boleh juga ditakrifkan sebagai tindakan memberi bantuan kepada orang lain tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan dari orang yang ditolong (Macaulay & Berkowitz, 1970).

Selain itu altruisme juga boleh dilihat sebagai tindakan prihatin dan usaha membantu orang lain tanpa mengharap ganjaran (Myers, 1993). Menurut Batson (1991), definisi altruisme ini menekankan kepada keadaan motivasi seseorang yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan orang lain.

Sorokin (1955) menyatakan bahawa altruisme adalah sebuah gagasan moral yang asas kerana menggalakkan nilai kemanusiaan untuk timbul dengan mengutamakan kepentingan umum lebih daripada diri sendiri. Grant (2001) menyatakan bahawa idea ini telah dibawa dalam ajaran agama dan ideologi yang lahir pada awal sejarah kemanusiaan itu sendiri. Agama dan ajaran budaya sentiasa mengutamakan perilaku altruisme sehingga terciptanya kedamaian dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Sikap mudah menolong dan tidak suka melihat orang lain dalam penderitaan merupakan asas lahirnya perilaku altruisme. Perilaku ini membuat manusia yang melakukannya menjadi lebih berperikemanusiaan daripada orang lain yang tidak suka menolong. Rogers et al., (2013) menyatakan bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang sesungguhnya adalah *altruism of love* iaitu kebajikan kerana cinta sesama manusia. Sikap inilah yang menempatkan perilaku altruisme dalam golongan perbuatan prososial dalam psikologi sosial.

Altruisme merupakan keinginan pengorbanan kepentingan peribadi. Tindakan ini seringkali disebut sebagai penafian diri atau pengosongan diri. Altruisme termasuk sebuah dorongan untuk berkorban demi sebuah nilai yang lebih tinggi, sama ada bersifat berperikemanusiaan atau ketuhanan. Tindakan altruis pula boleh dikaitkan dengan kesetiaan kepada sesama manusia (Scott & Seglow 2007).

Altruisme ialah amalan untuk mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri. Ia merupakan salah satu perilaku yang digolongkan oleh para ahli psikologi sosial dalam kumpulan perilaku prososial. Prososial adalah perilaku yang bermanfaat secara positif kepada orang lain (Staub 1978; Wispe 1972).



Istilah prososial berlawanan dengan istilah antisosial iaitu perilaku yang cenderung tidak menghargai orang lain dan merugikan orang sekitarnya. Orang yang berperilaku antisosial tidak suka bergaul dengan orang lain, tidak patuh terhadap hukum dan norma sosial. Mereka sentiasa dianggap sebagai sampah masyarakat kerana selalunya mendatangkan masalah dengan berbagai perilaku agresif dan kekerasan (Park, Faulkner & Schaller, 2003).

Perilaku yang boleh dipandang sebagai prososial adalah; memberikan pertolongan dalam situasi kecemasan, bersahabat, beramal (*charity*) seperti bersedekah, kerjasama, menderma (membahagi dana untuk menyokong suatu usaha), membantu, berkorban, dan berkongsi (Hardy & Van Vugt, 2006).

Sebagai salah satu perilaku prososial, altruisme adalah bentuk khas perilaku menolong yang dilakukan dengan sukarela, merugikan pelakunya (secara material dan masa), dan yang paling penting didorong oleh keperluan untuk meningkatkan kesejahteraan orang lain, bukan untuk mengharapkan ganjaran (Batson 1997; Walster & Piliavin, 1972). Oleh itu altruisme merupakan perilaku prososial yang lebih bersifat *selfless* (tidak mementingkan diri sendiri) berbanding dengan *selfish* (egois, mementingkan diri sendiri).

Semua definisi yang telah dikemukakan di atas, menurut penyelidik dapat menggambarkan tentang perilaku altruisme secara agak menyeluruh. Kebanyakan definisi yang ada menggambarkan perilaku altruisme sebagai perilaku yang mahu mengorbankan diri, merugikan diri, dan/atau mengabaikan diri demi membantu, menyelamatkan, memberi keuntungan dan/atau memberi manfaat kepada orang lain sama ada individu atau kumpulan yang ditolongnya. Sebahagian yang lain

menggambarkan perilaku altruisme sebagai perilaku yang mewujudkan perasaan cinta sesama manusia, budi pekerti yang luhur dan terarah kepada nilai mulia seperti agama dan norma sosial. Selain dari definisi di atas, ada juga yang mendefinisikan altruisme sebagai motivasi, atau niat untuk membantu orang lain, disebabkan kerana rasa prihatin, kasihan, atau empati pada orang yang hendak ditolong.

Definisi yang diuraikan di atas dapat pula menggambarkan tentang bentuk perilaku altruisme dari yang berat hingga yang ringan bergantung kepada kemudharatan yang boleh ditimbulkan oleh perilaku tersebut. Misalnya mengorbankan diri (menyebabkan diri terbunuh) boleh dilihat sebagai satu tindakan altruisme yang agak melampaui manakala menyumbangkan fikiran merupakan perilaku altruisme yang agak ringan. Begitu juga mendermakan organ tubuh (menyebabkan kecacatan) boleh dilihat sebagai lebih berat berbanding menyumbangkan harta atau menyumbangkan tenaga.

Dari semua definisi di atas, penyelidik lebih cenderung kepada pengertian altruisme yang dicadangkan pakar psikologi sosial iaitu Batson (1998) yang menyatakan bahawa altruisme adalah perilaku yang mendorong kepada perilaku menolong dan meningkatkan kesejahteraan orang lain. Kelakuan ini tidak mengharapkan suatu kebaikan dan tidak mengambil kira akan kesusahan yang akan disebabkan. Perilaku altruisme tidak perlu disyaratkan kepada perilaku mengorbankan diri, meletakkan diri pada kedudukan yang sangat sulit, tetapi perilaku ini lebih kepada menolong orang lain, walaupun dalam bentuk kecil selagi ianya ada kaitan dengan dorongan yang ingin membantu orang lain. Hal ini perlu ditekankan untuk membezakan perilaku menolong yang altruis dan egois.

Berkaitan dengan huraian di atas maka definisi operasional daripada altruisme dalam kajian ini adalah “semua perilaku menolong yang didorong atas keinginan tulus yakni membantu orang lain sama ada di kalangan kaum sendiri mahupun dari kalangan luar yang dilakukan dalam interaksi sosial keseharian”.

### **2.3 Altruisme Menurut Aliran Psikologi**

Terdapat beberapa perspektif dalam psikologi sosial mengenai altruisme. Pemikiran yang dibina oleh berbagai macam perspektif ini menggali tentang asas lahirnya tingkah laku altruisme, sama ada apakah ia merupakan bawaan sejak lahir mahupun dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Demikian pula masing-masing aliran mempunyai pendapat apakah altruisme itu dapat dikatakan sebagai perilaku yang lahir kerana membantu orang lain atau tetap berkaitan dengan perilaku yang mementingkan diri sendiri.

#### **2.3.1 Perspektif Psikoanalisa**

Fahaman psikoanalisa bersandarkan kepada andaian bahawa manusia pada dasarnya agresif dan mementingkan diri sendiri (egois) dengan mengikut nalurinya. Baumeister (1998), berpendapat bahawa beberapa teori psikoanalisa melihat altruisme dalam erti sebagai pertahanan diri terhadap kecemasan dan konflik dalaman diri kita sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa altruisme lebih bersifat melayani diri sendiri (*self-serving*), bukan didorong oleh keprihatinan yang murni terhadap orang lain. Walaupun diakui bahawa pengalaman pergaulan (*socialization*) yang positif dapat membuat kita tidak terlalu mementingkan diri sendiri (lebih

*selfless*), namun pakar psikoanalisa tetap memandang bahawa pada dasarnya manusia bersifat mementingkan diri sendiri (Deaux et al., 1998).

Fathurochman (2008) menyatakan bahawa teori psikoanalisa sentiasa memandang manusia dari asas kepentingan nalurinya, sehingga selalu melihat perilaku manusia berdasarkan pertarungan kepentingan id, ego dan super ego. Setiap aspek psikologi yang muncul, sama ada sikap, perasaan atau perilaku adalah gambaran situasi kejiwaan yang berasal dari dalam diri manusia. Hal inilah menyebabkan teori psikoanalisa menganggap perilaku altruisme juga terhasil dari kepentingan peribadi dan bersifat mementingkan diri sendiri.

Perilaku menolong yang *altruistic* atau disebut juga altruisme tulen agak kurang mendapat sokongan dari teori psikoanalisa. Namun demikian, teori ini tetap berpandangan positif terhadap perilaku menolong, kerana boleh membawa manfaat kepada penolong dan orang yang ditolong. Bahkan, perilaku menolong yang didasari oleh motif layan diri (*self service*) seperti menghilangkan perasaan bersalah di dalam diri pelakunya, masih dapat dinilai sebagai perilaku yang positif, kerana dapat memberi kebaikan kepada orang lain dan bagi diri sendiri (Baumeister, 1998).

### **2.3.2 Perspektif Tingkah Laku**

Pakar teori psikologi dalam aliran perilaku seperti Skinner, Pavlov dan Thorndike sentiasa mendasarkan teori mereka pada teori pengukuhan (*reinforcement*) iaitu bahawa manusia cenderung mengulangi atau menyokong perilaku yang mendatangkan hasil positif bagi dirinya. Teori ini juga mengemukakan bahawa

dengan pengukuhan akan terhasilnya keadaan perilaku yang menguat baik terbentuk dengan sendirinya (*classical-conditioning*), mahupun terbentuk dengan sengaja (*operant-conditioning*) (Mowrer & Klein, 2001).

Berdasarkan pemahaman asas teori tersebut, Deaux et al. (1998) berpendapat bahawa pakar teori psikologi memandang altruisme muncul kerana hasil pembelajaran manusia di tengah situasi sosial mereka. Perilaku apapun yang telah diperkukuhkan (*reinforcement*) muncul kerana kebiasaan yang memberikan kebaikan bagi diri mereka. Orang yang senang menolong adalah orang yang merasa mendapat manfaat dari perilaku tersebut. Oleh itu, disebalik perilaku yang nampaknya altruisme, ada manfaat terhadap diri sendiri. Mereka merasakan lebih berguna selepas mereka memberikan pertolongan, boleh menjangka ganjaran di akhirat, atau boleh mengelakkan perasaan bersalah atau malu yang boleh muncul apabila mereka tidak menolong. Juga, bila seseorang tidak dapat menjangka hadiah, anugerah, ganjaran wang, dia mungkin didorongi oleh hal lain seperti perasaan selesa, ataupun akan mendapatkan pandangan yang baik dari orang sekitar dan mendapat status sosial yang tinggi (Hardy & Van Vught, 2006)

Pada pandangan lain, pakar teori menganggap bahawa perilaku menolong merupakan perilaku yang positif. Walau bagaimanapun, selain memberi manfaat kepada orang lain, ia juga bermanfaat kepada diri pelaku itu sendiri. Manfaat untuk diri sendiri bukanlah sifat yang egois, terutama apabila ianya tidak menyebabkan kemudaratan bagi orang lain (Alexander, 1987). Bahkan perilaku altruisme sangat berlawanan dengan sifat mementingkan diri sendiri kerana berguna untuk semua orang (pelaku dan orang yang dituju). Kerugian secara material yang dirasakan oleh pelakunya

akan membawa kepada ganjaran yang berupa kepuasan batin dan memperkaya jiwanya (Roberts, 1998).

Perilaku ini akan semakin kukuh (*reinforcement*) jika dilakukan berulang-ulang dan terbentuk sejak manusia itu memulakan interaksinya. Ganjaran yang diterima oleh pelaku biasanya positif iaitu beroleh sokongan sosial yang kuat daripada masyarakat sekitar, mempunyai ramai kawan dan disukai orang disekelilingnya (Hardy & Van Vugt, 2006; Trivers, 1971; Alexander, 1987).

Sokongan yang diberikan kepada pelaku altruisme seperti tersebut di atas biasanya berlaku dalam budaya ketimuran dan disokong pula oleh ajaran agama. Dalam budaya Timur, orang yang senang membantu orang lain, melakukan aktiviti prososial akan dianggap sebagai orang yang mulia, orang baik, orang berbudi pekerti sehingga disenangi dan dihormati oleh orang di sekitarnya (Eisenberg & Fabes, 1998). Dengan kuatnya sokongan berbentuk ganjaran tersebut maka perilaku altruisme akan terus diulangi sehingga membentuk pengukuhan (*reinforcement*) dan orang akan suka untuk melakukannya (Hardy & Van Vugt, 2006).

Berbeza bila yang dilakukan oleh seseorang adalah perilaku antisosial. Masyarakat akan cenderung memberi hukuman berupa reaksi yang tidak suka, membenci dan menjauhi. Misalnya orang yang terbukti telah melakukan pencurian, maka ia akan dijauhi kerana masyarakat di sekitarnya merasa tidak selesa dengannya dan takut akan dicuri barang-barangnya. Hal ini sesuai dengan teori pembelajaran yang menekankan kepada anggapan tentang teori pensekitaran, ganjaran, dan hukuman (*conditioning, reward and punishment*), serta stimulus dan respon boleh dijadikan

rujukan yang kuat dalam mengkaji lahirnya perilaku altruisme dalam kajian ini (Baumeister, 1998).

## **2.4 Teori-teori Khusus Berkaitan dengan Altruisme**

Perilaku altruisme pada manusia sangat berbeza bila dibandingkan dengan mamalia lain. Perilaku altruisme pada haiwan biasanya hanya dilakukan untuk menyokong kewujudan kumpulan (tanah jajahan) haiwan ini. Sedangkan manusia boleh berkelakuan altruisme pada sesiapa saja, bukan hanya dalam kumpulannya tetapi juga kepada orang lain di luar kumpulannya, orang asing bahkan boleh menyelamatkan makhluk lain seperti haiwan dari kepupusan (McAndrew, 2002).

Keunikan perilaku altruisme pada manusia seperti ini, adalah suatu kelebihan kerana manusia adalah makhluk sosial yang dilengkapi dengan perasaan cinta antara satu sama lain melebihi mamalia lainnya (Aronson, 1999; Buss, 2004). Perasaan cinta, perhatian dan kerjasama menjadikan manusia lebih bermoral dan berperikemanusiaan (Hardy & Van Vugt, 2006).

Banyak penyelidikan yang dilakukan oleh ahli psikologi sosial mengenai latar belakang lahirnya perilaku altruisme. Penyelidikan panjang mengenai perilaku menolong dan altruisme telah mengenalpasti banyak faktor penting yang mempengaruhi perilaku membantu, seperti empati (Batson, Duncan, Ackerman, Buckley, & Birch, 1981), kedekatan (proximity) (Neyer & Lang, 2003), suasana (*mood*) (Isen, 1970), nilai sosial dan nilai agama (Omoto & Snyder, 1995; Van Lange, Otten, De Bruin, & Joireman, 1997), dan manfaat untuk membantu dan

kerugian yang akan timbul apabila tidak membantu (Penner, Dovidio, Schroeder, & Piliavin, 2005; Van Vugt, 1998).

Ada beberapa teori penting yang dapat diuraikan di sini yang berkaitan tentang altruisme iaitu; Teori Pemilihan Keluarga (*Kin Selection Theory*) (Hamilton, 1964), Teori Altruisme Timbal Balik (*Reciprocal altruism Theory*) (Trivers, 1971; Alexander, 1987; Roberts, 1998), Teori Altruisme Kompetisi (*Competitive altruism*) (Hardy & Van Vugt, 2006 ) dan Teori Altruisme Empati (*Empathic altruism Theory*) (Batson et al., 1981). Teori-teori akan dibincangkan dalam bahagian berikut.

#### **2.4.1 Teori Pemilihan Keluarga**

Teori Pemilihan Keluarga (*Kin Selection Theory*) adalah merupakan hasil karya dari saintis biologi terkemuka William Hamilton pada tahun 1964. Teori ini bermula daripada penilaiannya tentang teori evolusi Darwin (1959) yang melahirkan sebuah teori berkaitan yang diberi nama Teori Pemilihan Kumpulan (*Group Selection Theory*). Teori Pemilihan Kumpulan (*Group Selection Theory*) oleh Darwin (1959) menyatakan bahawa perilaku altruisme berlaku kerana keinginan untuk berkorban dan merugikan diri demi bermanfaat kepada orang lain dalam satu populasi kumpulan. Namun teori ini menimbulkan teka-teki kerana tidak disokong oleh alasan yang kuat terutama tiadanya hubungan secara genetik antara individu yang mengorbankan diri dengan orang yang ditolong (Mathews et al., 1981).

Teori Pemilihan Keluarga mengemukakan bahawa perilaku altruisme muncul kerana kerelaan berkorban demi menguntungkan individu atau sekumpulan individu yang



masih ada pertalian keluarga. Kesenambungan hidup dengan ahli keluarga adalah sangat penting kerana ia sama ertinya dengan meneruskan hubungan genetik sendiri (Tooby & Cosmides, 2005).

Perilaku altruisme seperti ini dapat dilihat dari perilaku sosial haiwan seperti lebah madu. Mereka dalam masyarakatnya sentiasa setia membantu dan melakukan tugas masing-masing dengan baik demi meneruskan kehidupan kumpulan keluarganya. Lebah yang bertugas menjadi penjaga (lebah penyengat) rela mengorbankan diri dengan menyerang dan menyengat haiwan lain yang datang walaupun mengakibatkan ia mati dengan perilakunya itu. Demikian pula lebah pekerja akan sentiasa bekerja demi kumpulan keluarganya walaupun ia adalah lebah yang mandul dan tidak dapat meneruskan keturunannya, tetapi dengan membantu keluarganya sama ertinya ia membantu meneruskan keturunannya. (Greenberg, Cicchetti, & Cummings, 1993; Sherman, 1989).

Dalam kehidupan manusia, berlaku kecenderungan yang hampir sama. Perilaku altruisme akan lebih cenderung berlaku apabila berkaitan dengan orang yang berdekatan dengannya atau mempunyai hubungan keluarga dengannya (Neyer & Lang, 2003). Kecenderungan untuk membantu keturunan genetik berlaku dalam bentuk yang pelbagai seperti bantuan dalam menyumbangkan ginjal atau organ tubuh yang lain (Li Jing, 2005).

Teori ini menurut penyelidik sangat baik dalam menjelaskan mengapa orang cenderung berperilaku altruisme kepada ahli keluarganya. Walau bagaimanapun, teori ini tidak dapat menjelaskan mengapa manusia masih mahu memberikan bantuan bahkan memberi pengorbanan kepada manusia lain yang tidak dikenalnya.